

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BIL. 3 TAHUN 2015**

**PENJELASAN KEPADA PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 2015**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai Pekeliling PTG Bil. 1 Tahun 2015 berhubung dengan perisytiharan sungai dibawah Seksyen 13(1)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965.

2. Perwartaan sungai dibawah Seksyen 13(1)(ii)(a) adalah untuk mengelakkan pelupusan mana-mana tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana kuasa wakil yang diberikan kepada pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 13(1)(i).

3. Sebelum ini Pihak Berkuasa Negeri dan pegawai-pegawai yang diberikuasa untuk melupuskan tanah mengguna pakai perisytiharan sungai dibawah Seksyen 17(iii)(d) (Warta Kerajaan Kelantan No. 40 bertarikh 23/2/53) Enakmen Tanah Kelantan No. 26 1938 dan perintah (Directive) daripada Penasihat Tanah Dan Galian (A.L.M Cirucler No. 1/53) sebagai panduan dalam urusan pelupusan tanah dan pembangunan tanah yang bermuka dengan sungai.

4. Sehubungan itu dengan adanya perisytiharan baru dibawah undang-undang tanah terkini (Kanun Tanah Negara 1965) sementara Enakmen Tanah Kelantan No. 26 1938 telah dimansuhkan maka perisytiharan melalui Warta Kerajaan No. 40 bertarikh 23/02/1953 termansuh dengan sendirinya dan perintah melalui A.L.M Circuler No. 1/53 tidak terpakai lagi.

5. Oleh itu semua Pentadbir Tanah hendaklah mengguna pakai perisytiharan Seksyen 13(1)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965 dalam membuat justifikasi terhadap permohonan pelupusan tanah bermuka kepada sungai selepas ini iaitu perisytiharan melalui warta Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 2402 bertarikh 9hb.

Oktober 2014 seperti dilampirkan bersama Pekeliing PTG Bil. 1/2015 berhubung dengan perisytiharan Sungai dibawah Seksyen 13(1)(ii)(a) Kanun Tanah Negara 1965.

6. Mana-mana sungai atau saluran air semula jadi yang tidak dinamakan dalam perisytiharan tersebut perlulah diambil kira oleh Pentadbir Tanah dalam membuat justifikasi berkenaan permohonan pelupusan pembangunan tanah dan mengguna pakai prinsip yang sama tentang penentuan rizab seperti yang digunakan dalam perwartaan tersebut iaitu penentuan rizab berdasarkan kelebaran sungai atau saluran terlibat.

7. Semua permohonan pelupusan tanah yang bermuka kepada sungai dan saluran semulajadi yang tidak dinamakan dalam perisytiharan berkenaan hendaklah dikemukakan juga kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran untuk mendapat pandangan yang sewajarnya.

8. Disamping itu Pentadbir-pentadbir Tanah yang juga merupakan Ketua Jajahan hendaklah mengguna pakai Enakmen Sungai dan Saliran No. 18 1935 dalam membuat pertimbangan sebarang pembangunan melibatkan rizab sungai yang diwartakan itu.

9. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan arahan ini.

  
DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K (Kelantan)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

KEPADA :

*Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan*

SALINAN KEPADA :

1. *YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan.*
2. *YB Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.*
3. *YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.*
4. *YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.*
5. *YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.*
6. *YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.*
7. *YABrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.*

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO. : PTG.KN 3269 Jld.4 (3)  
BERTARIKH : 24 Rabiul Awal 1436H  
15 Januari 2015